

Ringkasan Eksekutif

Baru-baru ini, salah satu tanaman yang menjadi pertikaian di Malaysia adalah ketum. Sejak akhir-akhir ini, terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk pembenaran kegunaan ketum dalam perubatan. Di Malaysia, penggunaan ketum biasanya dikaitkan dengan penyalahgunaan dalam kalangan remaja, isu penyeludupan ketum ke negara lain atau *black market*. Ini disebabkan gejala penyalahgunaan ketum ini semakin bertambah dari semasa ke semasa terutamanya di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Untuk membendung gejala ini, kerajaan telah memasukkan penggunaan daun ketum (*mitragynine* yang terdapat pada daun ketum) di bawah Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 yang mana boleh membawa kepada hukuman penjara maksimum selama empat tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Walaupun inisiatif dari sudut undang-undang telah meletakkan ketum (*mitragynine*) sebagai racun, tetapi kes penyalahgunaan daun ketum tidak menunjukkan sebarang tanda penurunan malahan kes penyalahgunaan semakin meningkat terutamanya semasa berlakunya wabak COVID-19. Selain itu, kes mengeksport ketum secara haram juga semakin bertambah di Malaysia. Kes ini meningkat apabila harga ketum meningkat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi orang awam dan para petani terhadap jangkaan sosial, jangkaan ekonomi dan keprihatian alam sekitar bagi penanaman ketum di Malaysia. Kaedah campuran iaitu kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik dan temu bual digunakan dalam pengumpulan data. Analisis deskriptif, pengiraan min analisis regresi telah digunakan untuk meringkas maklumat demografi responden dan item bagi pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Dapatan kajian menunjukkan para petani dan orang awam mempunyai jangkaan yang sama iaitu jangkaan negatif terhadap aspek sosial terhadap penanaman ketum. Sebaliknya, kedua-dua golongan ini mempunyai persepsi yang positif terhadap jangkaan ekonomi. Sementara bagi aspek alam sekitar, orang awam berpendapat bahawa penanaman ketum akan menjejaskan persekitaran alam sekitar. Malah bagi golongan petani berpendapat ketum tidak menjejaskan ekosistem dan kualiti tanah. Selain itu, dapatan kajian bagi analisis kualitatif menunjukkan responden berpendapat walaupun ketum boleh memberi manfaat kepada kesihatan, tetapi penggunaan lebihan akan menjejaskan kesihatan, ketagihan dan penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja dan orang awam. Para responden juga berpendapat bahawa ketum boleh meningkatkan pendapatan diri dan

negara serta tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Walaubagaimanapun, ada sesetengah responden berpendapat penanaman ketum akan menjejaskan tanaman lain jika kerajaan membenarkan penanaman dan pemprosesan ketum. Di samping itu, kajian ini juga merumuskan kajian klinikal berkaitan dengan ketum dan seterusnya mencadangkan strategi-strategi kepada penggubal dasar dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengambil tindakan selanjutnya selepas mengkaji isu-isu sosial yang mungkin akan timbul jika kerajaan membenarkan penanaman ketum. Implikasi kajian ini adalah dijangka dapat membantu kerajaan memahami jangkaan dan persepsi rakyat Malaysia terhadap penerimaan penanaman ketum bagi membentuk dasar atau undang-undang dan peraturan bagi menangani isu berkaitan ketum.